

30/04/2003

KL20: Pengangkutan catat bantahan tertinggi

KUALA LUMPUR: Sesi mengemuka Bantahan Awam, Draf Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020 (KL20) yang berakhir kelmarin dilapor menerima 260 responden dengan majoriti tumpuan diberi kepada sektor pengangkutan.

Dalam draf pelan KL20 yang mengandungi 16 sektor pembangunan itu, sektor Kemudahan Masyarakat dilapor menduduki tempat kedua paling banyak menerima bantahan iaitu 26 bantahan awam diikuti Visi dan Matlamat (23), Guna Tanah (22) dan Zon Strategi (20).

Bagi kategori responden mengikut pecahan pula, Individu dan Persatuan adalah pihak paling aktif membuat bantahan. Ia diikuti badan bukan kerajaan, swasta, institusi, wartawan, agensi kerajaan dan agensi persekutuan.

Dalam statistik mengenai kaedah menyalur bantahan awam yang mula dibuka sejak 10 Mac lalu itu, daripada 91 komen yang diterima, 75 dibuat melalui pos manakala 16 bantahan lain adalah secara elektronik di laman web Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Mengikut prosedur yang termaktub di bawah akta 267 (Perancangan) Wilayah Persekutuan 1982, sesi mendengar bantahan akan diadakan sejurus selepas semua maklumat mengenai bantahan dikumpul oleh Jawatankuasa Mendengar Bantahan Awam.

Jawatankuasa yang terdiri daripada 18 ahli dengan 11 orang daripadanya adalah pegawai kanan DBKL termasuk Ketua Pengarahnya, Datuk Ruslin Hassan dijangka memulakan sesi mendengar bantahan pada 5 Mei depan dan ia mungkin mengambil masa selama sebulan untuk selesai.

Setiap sesi mendengar bantahan kepada responden yang dikategori sebagai individu diberi peruntukan masa selama 15 minit manakala responden bagi kategori lain diberi masa lebih panjang iaitu 30 minit.

Keputusan sesi mendengar bantahan itu akan dibuat selewat-lewatnya November depan dan ia akan mula diwartakan awal 2004 selepas mendapat persetujuan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.